

Oposisi tak akan membela rakyat Mahathir

TAPAH, Rabu (Bernama) — Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad mengingatkan rakyat jangan bertindak mengikut perasaan dalam pilihanraya umum ini dengan memberi sokongan kepada parti-parti pembangkang.

Timbalan Perdana Menteri menegaskan walaupun pihak pembangkang memenangi beberapa kerusi dalam pilihanraya itu kelak, mereka tidak akan membuat apa-apa untuk membela nasib rakyat kerana janji-janji manis mereka hanya setakal untuk memancing undi sahaja.

Berucap kepada lebih 1,000 orang pekerja dan penyokong Barisan Nasional di Dewan Merdeka di sini malam tadi, beliau berkata mereka yang mengundi calon-calon pembangkang akan hanya menerima nasib yang sama seperti rakyat Kelantan semasa PAS menguasai negeri itu.

Katanya, selama 19 tahun PAS memerintah negeri itu tidak satu pun kemajuan yang dicapai dan akhirnya rakyat Kelantan terus menolak parti tersebut dan sebaliknya memilih kerajaan BN yang berupaya membawa pembangunan untuk mereka.

Dato Seri Dr. Mahathir berkata, BN akan dapat bertindak lebih berkesan lagi sekiranya diberi mandat baru dan majoriti secukupnya untuk membentuk sebuah kerajaan yang kukuh.

Tegas beliau, hanya BN dapat melaksanakan projek-projek pembangunan secara berkesan untuk faedah rakyat di samping mengekalkan kestabilan politik, ekonomi dan kesejahteraan negara.

Beliau yakin BN akan terus berkuasa dengan mencapai kemenangan besar dalam pilihanraya ini kerana rakyat sedar hanya BN sahaja yang sanggup berkhidmat untuk mereka.

Timbalan Perdana Menteri kesal kerana PAS dan DAP terus mengutarakan perkara-perkara sensitif dengan tujuan menimbulkan kemarahan rakyat terhadap kerajaan sekarang dan memperoleh sokongan mereka bagi memenangi pilihanraya kali ini.

Dato Seri Dr. Mahathir juga mengecam para wartawan akhbar dan majalah luar negeri yang terus menulis tentang keburukan kerajaan seolah-olah mende-

sak rakyat supaya menukar kerajaan yang ada sekarang.

Katanya, tindakan mereka itu semata-mata bertujuan menimbulkan suasana yang tidak ditingali di negara ini seperti yang pernah berlaku di beberapa buah negara lain apabila rakyatnya bertindak secara kekerasan menentang kerajaan setelah mendapat ilham dari para wartawan asing.

Malangnya rakyat yang mahu perubahan segera dari tindakan seumpama itu akhirnya mengalami malapetaka dan pertumpahan darah, tambah beliau.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia